

Tanam pokok hijaukan bumi

WETRO JUMAAT 11-1-13

Kuantan: Pihak sekolah di-saran turut sama menjadi ejen kepada usaha kerajaan menghijaukan bumi dengan bekerjasama menjayakan program satu warga satu pokok.

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Datuk Prof Dr Abd Rahman Abd Rahim berkata, matlamat menanam 26 juta pokok seluruh negara menjadi kenyataan sekiranya semua pihak tampil memberikan kerjasama masing-masing.

Menurutnya, pembabitan pelajar dalam program menanam pokok juga dapat memupuk kesedaran mereka terhadap betapa pentingnya tumbuhan kepada manusia termasuk haiwan.

“Kita terus memberi kerjasama kepada sekolah yang bercadang mengadakan program menanam pokok, selain khidmat nasihat jabatan perhutanan negeri juga turut menyediakan pokok untuk di tanam.

“Selain menanam pokok di kawasan sekolah sebagai teduhan dan hiasan, pelajar juga boleh menyertai program pemulihan hutan yang ditebang termasuk hutan lipur,” katanya ketika program menanam pokok di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Garuda, kelmarin.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Datuk Mohd Paiz Kamaruzaman.

Sebanyak 300 pokok spe-

sies Merawan Siput Jantan, Kasai dan Kelat Pucuk Merah ditanam pelajar sekolah berkenaan.

Abd Rahman berkata, SMK Padang Garuda menjadi sekolah pertama terabit dengan aktiviti menanam pokok dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang tahun ini.

Menurutnya di Pahang, 747,089 pelbagai spesies pokok ditanam tahun lalu dan matlamat menanam 1.4 juta pokok menjelang 2014 menjadi kenyataan.

“Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menetapkan sasaran terbaru iaitu menanam sebanyak 80 juta pokok menjelang 2020,” katanya.



DR Abd Rahman menanam pokok di SMK Padang Garuda, kelmarin.

FOTO: MOHD RAFI MAMAT